

TNB rancang ambil alih aset di UK

DH-Bisnes 4/3/2021 m/s 37

Tenaga Nasional Bhd (TNB) sedang mengadakan perbincangan untuk mengambil alih aset angin Tarif Galakan (FIT) di United Kingdom (UK) melalui International Asset Group (IAG), kata MIDF Research.

Firma penyelidikan berkenaan berkata, TNB juga dalam proses memuktamadkan perbincangan dengan Sunseap Group untuk meneroka pengembangan tenaga boleh diperbaharui (RE) di Singapura dan Vietnam.

"TNB sedang melihat potensi jualan RE rentas sempadan ke Singapura, sementara pada masa yang sama ia sedang meneroka potensi pasaran solar di bumbung," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Pada Oktober 2020, Singapura menetapkan sasaran untuk memasang sebanyak 2,000 Megawatt (MW) solar photovoltaic (PV) pada 2030 bagi memenuhi keperluan tahunan kira-kira 350,000 isi rumah.

Berdasarkan statistik Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga Singapura (EMA), dilaporkan Singapura memiliki kapasiti solar 290 MW pada suku pertama 2020.

Ia bermaksud, terdapat 1,710 MW lagi diperlukan dalam tempoh 10 tahun akan datang untuk memenuhi sasaran bagi 2030 dan dijangka dipimpin oleh sektor swasta.

Justeru, firma penyelidikan itu menganggarkan Malaysia dapat memberi sokongan yang bermakna untuk sasaran ber-

kenaan, memandangkan keperluan untuk kawasan daratan yang luas, selain bumbung bagi menghasilkan tenaga solar.

"Sektor tenaga Singapura beroperasi khususnya pada turbin gas dan stim, menyumbang 96 peratus daripada keseluruhan kapasiti, manakala sisa kepada tenaga dan solar masing-masing menyumbang sebanyak 2 dan 2.3 peratus daripada jumlah kapasiti yang telah didaftar," katanya.

Mengenai pelancaran percubaan perdagangan tenaga rentas sempadan, MIDF Research berkata, EMA merancang untuk melaksanakan proses Permohonan Cadangan (RFP) menjelang Mac, 2021 untuk import elektrik 100 MW, ia akan me-

rangkumi sekitar 1.5 peratus permintaan Singapura.

"Di bawah RFP ini, import elektrik dapat dimulakan akhir 2021 menerusi penyambung elektrik sedia ada antara Singapura dan Malaysia dengan hanya satu pengimport dipilih melalui proses tender terbuka," katanya.

Ia berkata, percubaan itu bertujuan menilai dan menyempurnakan kerangka teknikal dan peraturan untuk mengimport elektrik ke Singapura serta memudahkan import berskala lebih besar dari rantau ini pada masa depan.

Firma penyelidikan itu mengemukakan saranan 'beli' dengan harga sasaran hingga RM11.80. BERNAMA